

| | | | |
|------------|-------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Jangan cipta kekeliruan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 14 Nov 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 12 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 239 cm ² |
| Journalist | NOOR AZLIDA ALIMIN | AdValue | RM 4,077 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,230 |



'Jangan cipta kekeliruan'

■ NOOR AZLIDA ALIMIN

RANTAU PANJANG - Terlalu banyak pihak dilihat mahu berlagak seperti pakar penganalisis dan audit berhubung isu dalam Tabung Haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, tindakan itu boleh menimbulkan rasa waswas rakyat terhadap pentadbiran Tabung Haji seperti mana yang berlaku tahun lalu.

Tanpa menyentuh jumlah subsidi baharu tahun ini, beliau berkata, banyak pihak mengeluarkan kenyataan sedangkan maklumat tersebut belum diumumkan oleh pakar Tabung Haji.

"Kita ada kepakaran sendiri malah kita menunggu laporan daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, selepas memperoleh semua informasi berkenaan, barulah kita dapat umumkan jumlah subsidi tahun ini.

"Ada format dan penjelasan kewangan penggunaan atau perbelanjaan, bila dah audit barulah boleh sah, kemudian kita umumkan semua maklumat berkenaan termasuklah dividen atau bonus," katanya.

Namun apa yang berlaku ketika ini beliau



Jamil Khir beramah mesra dengan peserta Seminar Pembangunan Islam di Dewan Kolej Kemahiran Tinggi Mara Lubok Jong, Rantau Panjang, semalam. - Foto: BERNAMA

berkata, isu yang sama ditimbulkan semula ketika keyakinan rakyat terhadap Tabung Haji kembali pulih.

Beliau berkata, usah timbulkan semula insiden di mana penyimpan mengeluarkan simpanan sehingga meninggalkan kesan kepada giliran mengerjakan haji rakyat.

Dalam pada itu, beliau turut ditanya me-

ngenai kesan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia terhadap bakal haji tahun depan.

"Kita mempunyai mekanisme tersendiri dalam mengatasi isu mata wang ketika ini dan janganlah risau, ia hanya bersifat sementara," katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Seminar Pembangunan Islam Malaysia peringkat Rantau Panjang.